BAB 1

1.1 Latar Belakang Kajian

Sejak dahulu lagi, pertanian merupakan sektor yang banyak menyumbang kepada pertumbuhanan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, apabila berlaku transformasi struktur ekonomi, sektor pertanian kini berada di tempat ketiga selepas sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan. Namun begitu, sektor ini tetap diberi perhatian dan tumpuan dalam menjana kestabilan ekonomi negara.

Serangan matawang yang melanda ekonomi negara pada tahun 1997 telah memberi impak yang negatif kepada sektor penting seperti pembuatan. Dalam kes ini, sektor pertanian juga tidak terkecuali. Antara aspek yang terjejas akibat krisis ekonomi ialah bekalan makanan negara. Import beberapa jenis makanan menjadi mahal kesan daripada penurunan nilai Ringgit Malaysia. Selaras dengan itu, kerajaan telah mengkaji semula Dasar Pertanian Negara Kedua (DPN 2) dan digantikan dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN 3) bagi tempoh 1998-2010. Dalam DPN3, kerajaan menekankan objektif utama iaitu menjamin bekalan makanan negara ataupun sekuriti makanan negara. Bagi mencapai objektif ini, sektor pertanian terus diberikan tumpuan utama. Beberapa jenis tanaman dikenalpasti untuk dimajukan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran. Manakala, sektor kecil perikanan laut dan akuakultur terus diberikan perhatian. Masalah kekurangan sumber seperti tanah dan air sedikit sebanyak dapat diatasi dengan program integrasi perladangan

dan ternakan seperti lembu atau kambing yang diternak di ladang-ladang kelapa sawit dan getah.

Krisis kewangan itu juga telah membuka mata Malaysia tentang peri pentingnya ditingkatkan aspek keselamatan makanan negara (food security). Ia ditingkatkan melalui pengeluaran makanan sendiri dan menyusun strategi bagi memenuhi permintaan dan mengurangkan pergantungan kepada import makanan dari luar. Pada umumnya, import makanan negara meningkat pada setiap tahun kesan daripada pertambahan bilangan dan taraf hidup penduduk. Contohnya pada tahun 1996, import makanan dan input pertanian adalah RM10.5 bilion berbanding RM4.6 bilion pada tahun 1990. Bagi tahun 1997, import dicatatkan sebanyak RM9.7 bilion. Pada tahun 2000, import makanan dicatatkan sebanyak RM12.9 bilion. Kejatuhan nilai Ringgit Malaysia sejak Julai 1997 sebanyak 40.0 peratus (RM2.60 kepada RM3.60 berbanding US$1) telah meningkatkan kos import makanan dan input pertanian. Dari segi Imbangan Pembayaran, Malaysia mengalami defisit dalam perdagangan makanan. Pada tahun 1996, eksport makanan ialah RM4.2 bilion dan pada tahun 1997 adalah RM4.5 bilion. Ini menunjukkan defisit masing-masing RM6.3 bilion dan RM4.6 bilion bagi tahun 1996 dan 1997. Manakala bagi tahun 2000, defisit dicatatkan sebanyak RM6.4 bilion.

1.2 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini ialah untuk melihat sejauhmana kemampuan Malaysia untuk menjadikan pertanian sebagai industri pengeluaran makanan. Analisis yang akan dilakukan adalah secara deskriptif ke atas beberapa

penunjuk seperti jumlah pengeluaran tanaman makanan, nilai ditambah dan tahap sara diri dalam tempoh tahun tertentu. Penilaian juga akan dilakukan ke atas beberapa langkah kerajaan bagi meningkatkan kepentingan sektor makanan ini. Selain daripada melihat kepada prospek industri pengeluaran makanan di Malaysia, kajian juga akan ditumpukan kepada cabaran-cabaran yang dihadapi oleh sektor ini. Contohnya, kekurangan sumber tanah, air dan kekurangan pembiayaan.

1.3 Skop Kajian

Melihat kepada tajuk, skop kajian ini telah dikecilkan. Analisis kajian hanya dijalankan ke atas komoditi makanan sahaja yang meliputi beberapa jenis tanaman seperti bijirin utama padi, ternakan, perikanan, tanaman buah-buahan serta sayur-sayuran. Kajian akan dilakukan ke atas sektor kecil ini daripada beberapa aspek seperti pengeluaran, keluasan tanaman dan tahap sara diri.

1.4 Metodologi Kajian

Kajian ini akan menggunakan data-data sekunder sepenuhnya. Untuk merealisasikan objektif kajian, bahan rujukan utama yang digunakan ialah data-data yang diperolehi daripada beberapa Rancangan Malaysia terutamanya Rancangan Malaysia Ketujuh dan Kelapan. Selain daripada itu, Laporan-laporan Ekonomi bagi tahun tertentu juga akan dijadikan sebagai sumber utama. Bagi menyokong dan membantu data-data yang didapati, beberapa penulisan buku, latihan ilmiah terdahulu, kertas-kertas seminar, majalah, artikel daripada internet dan lain-lain juga akan digunakan.

1.5 Kajian Terdahulu

Rahimah Md. Said (2000), menyatakan terdapat beberapa jenis industri makanan yang mempunyai prospek yang cerah. Menurut beliau, Malaysia mempunyai potensi dan peluang sebagai pusat makanan halal di peringkat antarabangsa. Di samping itu, industri memproses produk berasaskan buah-buahan seperti isi dalam tin, jus dan pekatan juga cerah untuk diterokai oleh Malaysia. Contoh lain ialah makanan kesihatan (herba dan ubat-ubatan). Bagi industri perikanan pula, peralihan daripada perikanan tradisional kepada perikanan moden dapat dikomersialkan dengan penglibatan pihak swasta secara aktif dan penggunaan teknologi moden. Ini dapat membantu ke arah pertumbuhan perikanan laut dalam dan menyumbang kepada peningkatan pengeluaran perikanan. Walau bagaimanapun, Malaysia masih lagi belum mencapai tahap sara diri (self-sufficient) dalam pengeluaran beberapa produk makanan terutamanya produk tenusu, daging dan gula di mana tahapnya masih lagi rendah. Malaysia terpaksa bergantung kepada import makanan bagi memenuhi keperluan penduduk tempatan.

Mohd. Rosli (1998), menekankan tentang pertanian komersial iaitu aktiviti pertanian yang bermotifkan perniagaan dan keuntungan. Menurut beliau, hala tuju Malaysia dalam bidang ini dapat dikesan daripada Dasar Pertanian Negara (DPN) dan perkembangan ekonomi semasa umpamanya kejatuhan nilai Ringgit Malaysia. Beliau telah menggaris beberapa langkah bagi meningkatkan pengeluaran makanan. Antaranya ialah menumpukan kepada pengeluaran makanan utama yang mempunyai kelebihan bersaing dari

segi kos seperti penghasilan produk perikanan, buah-buahan terpilih dan ternakan. Bagi mendapatkan sumber bekalan dari luar (strategic sourcing), pelaburan ke luar negara perlu dipergiatkankan di mana kos pengeluaran makanan yang rendah. Kecekapan pemasaran juga mesti ditingkatkan melalui penyusunan semula sistem pasaran bagi mengurangkan pengantara pemasaran dan memastikan pengguna mendapat harga yang adil. Untuk menjimatkan kos perniagaan dan masa, infrastruktur pemasaran seperti pusat pengumpulan hasil pertanian, rumah pembungkusann, pusat perniagaan dan pemborongan harus disediakan.

Doorman (1999), menyatakan tentang beberapa langkah yang harus diambil bagi mempertahankan kepentingan sektor pertanian di abad ke 21 ini. Antaranya ialah reformasi tanah. Walaupun bayaran untuk pengurusan tanah dan cukai progresif tanah meningkat, beberapa perancangan pertanian telah ditukar bagi tujuan ini. Namun konsep ini hanya didefinisikan secara umum. Menurut beliau, walaupun langkah-langkah yang disebutkan telah diterima tetapi masih terdapat halangan-halangan besar dalam pelaksanaan langkah-langkah ini. Kepentingan ekonomi dan politik akan mengubah sistem sokongan yang memberikan faedah kepada pihak-pihak tertentu sahaja. Tambah beliau lagi, kerjasama intensif di peringkat antarabangsa adalah perlu bagi menjadikan operasi konsep lebih bersifat global.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

1.6 Masalah Kajian

Dalam menghasilkan satu penyelidikan yang bermutu, perkara utama yang perlu dilakukan oleh seseorang penyelidik ialah mengumpulkan seberapa banyak sumber maklumat dan data yang ada. Dalam menghasilkan penyelidikan ini, penulis menghadapi sedikit masalah berhubung dengan sumber maklumat daripada kajian-kajian atau latihan-latihan ilmiah terdahulu. Penulis juga menghadapi masalah untuk mendapatkan maklumat daripada penulisan buku-buku berkenaan dengan tajuk. Walaupun terdapat rujukan, kebanyakannya adalah berkenaan dengan sektor pertanian secara umum. Ia tidak menerangkan tentang sektor makanan secara khusus. Bagi mengatasi masalah ini, penulis banyak menggunakan maklumat daripada internet untuk mendapatkan artikel-artikel yang berkaitan.

1.7 Kesimpulan

Kajian ini bertujuan untuk melihat tentang industri pengeluaran makanan di Malaysia. Ia juga akan melihat kepada cabaran-cabaran dan prospek masa depan industri ini di Malaysia. Selain itu, analisis juga dilakukan kepada langkah-langkah kerajaan bagi memajukan sektor pertanian amnya dan komoditi makanan khasnya.